

MSD 2021 tawar hadiah menarik lebih RM500,000

Peraduan Jom. Kira Duit boleh disertai bermula hari ini

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Minggu Saham Digital 2021 (MSD 2021) yang akan berlangsung mulai 17 hingga 23 November ini menawarkan hadiah bernilai lebih RM500,000 untuk dimenangi sepanjang tempoh penganjurannya.

Menerusi peraduan utama iaitu 'Jom. Kira Duit', menawarkan hadiah sebuah kereta Hyundai Kona tajaan Sime Darby Bhd, sebuah Toyota Yaris tajaan UMW Holdings Bhd, sebuah Perodua Ativa tajaan Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (PERODUA) dan motosikal Honda Dash 125 tajaan Malaysian Industrial Development Finance Bhd (MIDF), serta hadiah lain bernilai lebih RM500,000.

Presiden yang juga Ketua Eksekutif Kumpulan Pemodalan Nasional Bhd (PNB), Ahmad Zulqarnain Onn, berkata penganjuran MSD dengan tema #LaburBersama adalah lanjutan kejayaan MSD tahun lalu.

Katanya, fokus PNB adalah mencipta nilai dan menghasilkan pulangan lestari jangka panjang

untuk pemegang unit, di mana usaha itu seiring dengan komitmennya meningkatkan standard literasi kewangan serta memperkasakan rakyat Malaysia membuat keputusan kewangan lebih baik demi masa hadapan.

"PNB berbesar hati menganjurkan MSD 2021 yang bakal bersiaran dari 17 hingga 23 November, berikutan sambutan menggalakkan diterima pada MSD yang julung kali diadakan tahun lalu dengan lebih dua juta tontonan.

"Selaras objektif Minggu Saham Amanah Malaysia, MSD kekal sebagai platform literasi kewangan bersepadu PNB untuk mencapai matlamat ini," katanya pada sidang media prapelancongan MSD 2021 secara maya di Kuala Lumpur, semalam.

Pada majlis sama, PNB mengumumkan rakan strategik MSD 2021 yang terdiri daripada tiga kategori iaitu Rakan Premier, Rakan Utama dan Rakan.

Turut hadir secara maya adalah wakil penaja.

Dalam kategori Rakan Premier, ia disertai Presiden Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Maybank, Datuk Abdul Farid Alias; Pengarah Urusan Kumpulan Sime Darby Plantation Bhd, Mohamad Helmy Othman Basha serta Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan UMW Holdings Bhd, Datuk Ahmad Fuaad Kenali.

Mewakili Rakan Utama

pula adalah Pengarah Urusan Kumpulan MIDF, Datuk Charon Wardini Mokhzani; Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif PERODUA, Datuk Zainal Abidin Ahmad; Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif, S P Setia Bhd, Datuk Choong Kai Wai; Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan Sime Darby, Mustamir Mohamad serta Pengarah Urusan Kumpulan, Sime Darby Property Bhd, Datuk Azmir Merican.

Manakala untuk kategori Rakan, mereka yang hadir adalah Pengarah Urusan Kumpulan Duopharma Biotech Bhd, Leonard Ariff Abdul Shatar; Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MNRB Holdings Bhd, Zaharudin Daud dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Projek Lintasan Kota Sdn Bhd (PROLINTAS), Datuk Mohammad Azlan Abdullah.

Turut serta sebagai Rakan Acara bagi MSD 2021 adalah Attana Hotels & Resorts, Jewel Digital

Ventures Sdn Bhd, PNB Merdeka Ventures Sdn Bhd, Raiz Malaysia dan Asia School of Business.

MSD adalah adaptasi digital Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) yang telah dianjurkan secara fizikal selama dua dekad sejak 2000 hingga 2019.

Ahmad Zulqarnain berkata, pembabitan rakan strategik MSD merangkumi penganjuran pelbagai program sepanjang penganjurannya, juga penajaan pelbagai hadiah menarik bagi peraduan yang akan disediakan.

"Acara digital ini dapat diakses khalayak ramai di mana jua mereka berada dari keselesaan kediaman sendiri dan semudah sentuhan di hujung jari," katanya.

Menurut PNB, bermula hari ini, orang ramai sudah boleh menyertai peraduan utama MSD 2021 iaitu 'Jom. Kira Duit', yang mana peserta perlu mencari dan mengumpul #SyilingMSD yang akan dipaparkan di pelbagai platform.



“Acara digital ini dapat diakses khalayak ramai di mana jua mereka berada dari keselesaan kediaman sendiri dan semudah sentuhan di hujung jari”

Ahmad Zulqarnain Onn,
Ketua Eksekutif Kumpulan PNB